

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 23.5.2016**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa Kementerian Pendidikan (KPM) masih belum membayar gaji bekas pekerja *Time Medi Enterprise* dari bulan Jun 2015 hingga Disember 2015 memandangkan Time Medi telah ditamatkan kontrak pada Mei 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak telah merampas sebahagian Bon Pelaksanaan Syarikat Time Medi pada 4 Mac 2016. Nilai rampasan adalah berdasarkan tuntutan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan wang Bon pelaksanaan tersebut telah disalurkan kepada JTK untuk tujuan pembayaran gaji kepada bekas pekerja Syarikat Time Medi.